

20/10/2003

Harun Idris meninggal dunia

KUALA LUMPUR: Bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Harun Idris, 79, (gambar) meninggal dunia kerana serangan angin ahmar di rumahnya di 10 Langgak Duta, Taman Duta di sini petang semalam.

Anak Allahyarham, Rozita Harun, berkata bapanya diserang angin ahmar kira-kira jam 8 pagi di rumahnya dan dibawa ke Hospital Gleneagle's Intan, Jalan Ampang kira-kira sejam kemudian.

"Selepas pemeriksaan dan mendapati keadaannya sudah kritikal, kami sekeluarga membuat keputusan membawanya pulang ke rumah, kira-kira jam 2 petang. Allahyarham meninggal dunia pada jam 2.55 petang," katanya.

Allahyarham meninggalkan isteri, Datin Seri Salmah Sulaiman, 63, dan enam anak, Datuk Mazlan, Ramlan, Datuk Azman Shah, Rozina, Rozita dan Shafika serta 18 cucu dan empat cicit.

Jenazah Allahyarham disembahyangkan di rumahnya sebelum dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, petang semalam.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah antara kenamaan yang menziarahi jenazah Allahyarham.

Kenamaan lain termasuk Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Mohd Taib dan Orang Besar Daerah Gombak, Datuk Paduka Raja Wan Mahmood Pawan Teh.

Di BANGKOK, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diminta mengulas berita kematian bekas Menteri Besar Selangor itu, berkata beliau terhutang budi kepada Allahyarham yang dianggapnya orang yang bertanggungjawab membawanya kembali ke pangkuan Umno.

"Datuk Harun adalah seorang aktivis. Dialah yang membawa saya balik ke pangkuan Umno," kata Perdana Menteri kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan mesyuarat pemimpin forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Dr Mahathir yang tiba di ibu negara Thailand pagi semalam, berkata semasa beliau disingkir daripada Umno, Harun mengunjunginya di Alor Star, memintanya memasuki semula Umno dan berjaya dalam hal ini.

"Saya akui mengenai sumbangannya terhadap Umno dan diri saya sendiri dan saya terhutang budi kepadanya.

"Walaupun kemudian kita tidak begitu rapat tetapi hakikatnya dialah yang membawa saya masuk semula dalam Umno. Saya tidak lupa dialah orang yang membawa saya masuk semula dalam Umno," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno.

Perdana Menteri berkata, beliau berasa sedih ketika Harun dipenjarakan atas tuduhan tertentu.

"Sebab itulah apabila saya menjadi Perdana Menteri saya berusaha membebaskannya daripada segala tuduhan.

"Selepas itu dia kembali aktif dalam Umno tetapi entah macam mana dia nampak macam tidak bersetuju dengan saya dan hubungan kita renggang," katanya.

Abdullah yang ditemui pemberita selepas menziarahi Allahyarham, pula berkata negara kehilangan pemimpin yang aktif dan banyak memberi sumbangan bagi kepentingan orang Melayu, terutama rakyat Selangor.

"Jasa yang ditaburkan sepanjang beliau menjadi Menteri Besar tidak ternilai kerana Allahyarham memperjuangkan kepentingan rakyat Selangor.

"Beliau juga banyak berjasa dalam bidang politik terutama ketika menjawat jawatan Ketua Pemuda Umno," katanya.

Najib juga berkata Allahyarham banyak memberi sumbangan, terutama ketika bergiat dalam politik pada 1960-an dan 1970-an.

"Sudah tentu kehilangan beliau amat dirasai dan saya harap generasi kini akan dapat mengenang dan menghayati jasa beliau," katanya.

Dr Mohamad Khir berkata, orang Melayu banyak terhutang budi dengan Allahyarham terutama ketika peristiwa 13 Mei 1969 kerana beliau yang memperjuangkan nasib orang Melayu ketika itu.

"Selangor paling banyak terhutang budi dengan Harun kerana ketika beliau menjadi Menteri Besar, banyak undang-undang negeri yang digubal dan diluluskan, digunakan sehingga kini," katanya.

Muhammad pula berkata, Harun adalah seorang tokoh yang membangunkan kehidupan dan pemikiran orang Melayu pada zamannya.

"Harun yang bertanggungjawab membawa lebih ramai orang Melayu tinggal di Kuala Lumpur dan bertanggungjawab membandarkan pemikiran orang Melayu.

"Beliau juga berjaya meningkatkan keyakinan orang Melayu untuk menjadi lebih maju," katanya.